

# KE ARAH PENYERTAAN MASYARAKAT MALAYSIA DALAM MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI

By: Y. Bhg. Dato' Ir. Hj. Abdul Rashid bin Maidin

## PENGENALAN

Banyak telah diperkatakan tentang globalisasi dan kesannya terhadap negara yang sedang membangun. Definisi dan huraian globalisasi, penerokaan mengenai cabaran-cabaran yang terhasil daripadanya dan cadangan bagaimana penyertaan masyarakat boleh dirangsang untuk menghadapi cabaran tersebut diterangkan didalam rencana ini.

Pengertian globalisasi adalah sangat luas dan boleh didefinisikan dalam banyak cara bergantung kepada cara pemikiran seseorang individu. Globalisasi boleh didefinisikan sebagai pencantuman atau integrasi perdagangan antarabangsa di kalangan negara-negara. Globalisasi boleh juga didefinisikan sebagai fenomena ekonomi, yang akan terhasil daripada integrasi sistem domestik, perkembangan yang pesat dalam perdagangan dan pelaburan antarabangsa dan liberisasi perdagangan dan kewangan.

Menurut George Sorenson dan Hans-Hendrick Holm, globalisasi didefinisikan sebagai pengukuhan hubungan dalam ekonomi, politik, sosial dan budaya negara-negara sempadan.

Menurut Waters, globalisasi meliputi pelbagai bidang dan merupakan fenomena berbilang aspek yang merangkumi aspek politik, ekonomi, sosial, teknologi dan ideologi. Secara umum globalisasi menjadikan jarak geografi bukan sebagai faktor penghalang bagi negara-negara untuk saling berhubungan antara satu sama lain dalam sudut ekonomi, sosial dan politik.

Keadan ini membolehkan modal, teknologi dan sumber manusia bergerak bebas tanpa sebarang sempadan yang dapat menyekat. Globalisasi melibatkan pemindahan sumber manusia, maklumat, modal dan barang dagangan secara global. Walau bagaimanapun, fenomena 'pengaliran' ini bukanlah satu fenomena baru. Tetapi 'pengaliran' ini telah menjadi semakin kompleks, serius dan pantas dan telah menyebabkan pemampatan ruang dan masa. Sebahagian daripada 'pengaliran' ini akan menghasilkan keselesaan manakala yang lain pula akan menyebabkan pergolakan dan gangguan.

Globalisasi boleh dilihat dari pelbagai sudut, dan ini memungkinkan wujudnya pelbagai definisi, contohnya globalisasi ekonomi, globalisasi korporat, globalisasi budaya, globalisasi politik dan globalisasi hak asasi manusia.

Globalisasi ekonomi ialah proses peningkatan 'pengaliran' barang dagangan, modal, buruh, perkhidmatan, maklumat dan kewangan melewati batasan dunia. Aliran tersebut adalah ke arah mengurangkan halangan perdagangan dan pelaburan melalui dasar liberisasi (keterbukaan ekonomi sesebuah negara kepada negara-negara lain) dagangan, penswastan dan "deregulation".



Ini bertujuan untuk menghapuskan semua halangan pergerakan kapital secara global dan penghasilan barang dagangan dan perkhidmatan yang berlebihan di negara-negara maju.

Globalisasi budaya merujuk kepada 'pengaliran' cara berpakaian, muzik, pemakanan dan pengembaraan melewati batasan dunia. Globalisasi korporat merujuk kepada penyebaran syarikat multinasional (MNC) di mana mereka bukan sahaja menjadi pengeluar barang dagangan dan perkhidmatan terpenting di negara-negara membangun malah turut membantu mencorakkan ekonomi negara-negara tersebut dan tidak ketinggalan juga mempengaruhi aspek-aspek sosial dan budaya dalam negara-negara di mana mereka beroperasi. Kesemua aspek globalisasi telah dapat dilaksanakan dengan teknologi terkini khususnya teknologi komunikasi dan maklumat di mana 'pengaliran' telah sebenarnya berlaku.

## CABARAN-CABARAN GLOBALISASI

Globalisasi yang bersetuju dan menyokong globalisasi berpendapat bahawa perdagangan, pelaburan, sistem kesihatan yang baik, pendidikan, pembangunan infrastruktur dan sistem perundangan dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan seterusnya dapat meningkatkan cara dan taraf kehidupan. Mereka juga berpendapat bahawa globalisasi adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana ia memberi manfaat kepada semua. Presiden Bank Dunia (James D. Wolfensohn) dalam ucapan di G-20 Menteri-Menteri

Kewangan (Nov 17, 2001) telah mengatakan cabaran terbesar jangka panjang globalisasi adalah dalam memerangi kemiskinan dan menggalakkan integrasi global di dalam dan luar negara. Walau bagaimanapun, perlu disedari bahawa terdapat juga masyarakat di dalam negara ini yang tidak dapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi disebabkan globalisasi ini. Terdapat juga beberapa negara yang khuatir sekiranya mereka tidak pula terlibat dalam globalisasi, kemungkinan mereka akan disisihkan. Antara keuntungan yang dilihat oleh penyokong-penyokong globalisasi adalah:

**(a) Peningkatan ekonomi, pengurangan kadar kemiskinan dan perkembangan taraf hidup manusia.**

Globalisasi telah meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan pesat dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar kemiskinan. Kajian menunjukkan bahawa peratusan populasi manusia yang berada dalam kemiskinan mutlak telah berkurangan daripada 29% (1990) ke 23% (1998), walaupun anjakan penduduk meningkat. Purata jangka hayat bagi penduduk di negara berpendapatan rendah dan pertengahan juga telah meningkat daripada umur 45 kepada 64 tahun sejak tahun 1960. Kadar buta huruf penduduk di negara tersebut juga telah berkurangan daripada 47% kepada 25% sejak tahun 1970.

**(b) Pembaharuan**

Globalisasi sentiasa diiringi dengan pembaharuan di dalam pelbagai bidang. Dua puluh empat negara yang telah mendalami integrasi dagangannya dengan dunia sejagat dalam tempoh 20 tahun yang lepas mencapai purata nisbah dagangan /Keluaran Negara Kasar (GNK) yang berganda. Selain daripada integrasi perdagangan dan pelaburan, negara tersebut juga telah berjaya memperbaiki sistem pendidikan, infrastruktur dan sistem perundangan mereka. Mereka juga telah berjaya menghasilkan peningkatan pendapatan per kapita sebanyak 5% setahun dalam tahun 90an.

**(c) Ekonomi berasaskan pengetahuan**

Negara yang mengamalkan globalisasi berkemampuan untuk bertukar daripada ekonomi berasaskan pembuatan dan perkhidmatan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan di mana ilmu pengetahuan mengambil alih tempat modal fizikal sebagai sumber kekayaan kini dan masa depan.

**(d) Keuntungan**

Globalisasi menguntungkan pekerja mahir kerana mereka boleh berhijrah dari satu negara ke negara lain yang lebih memerlukan kemahiran dan kepakaran mereka dengan bayaran yang lebih lumayan. Generasi yang berilmu pengetahuan dan berinovasi membawa keuntungan kepada masyarakat umum. Golongan yang tidak bersetuju dengan globalisasi melihat globalisasi sebagai ancaman yang boleh menimbulkan gangguan

kepada negara. Globalisasi yang berasaskan korporat bersebabkan dari "deregulation" dikatakan paling menghancurkan aspek globalisasi. Mereka berpendapat, walaupun banyak faedah diperolehi daripada sains, teknologi, perubahan dan kekayaan, masih wujud kemiskinan, manusia dimarginalisasi, bertambahnya ketidaksamarataan ekuiti dan ini menimbulkan satu fenomena baru, *xenophobia*. Mereka juga berpendapat ekonomi globalisasi bertukar dan ini menyebabkan kelemahan peranan dan autoriti kerajaan.

Antara ketakutan penentang globalisasi termasuk-

**(a) Perdagangan tidak adil**

Semua negara tidak beroperasi di atas satu landasan yang sama. Ini membolehkan negara maju mempunyai penguasaan yang mutlak dan mereka akan mengenakan syarat yang tidak menguntungkan negara yang sedang membangun diatas alasan kurang kecekapan. Negara membangun didesak untuk mengeneikan segala halangan terhadap perdagangan, pada masa yang sama negara maju pula berterusan dengan pelbagai bentuk perlindungan secara tidak telus.

**(b) Pelaburan Langsung Asing (PLA)**

PLA mengalir ke negara maju atas alasan kemahiran dan teknologi dan negara kurang maju atas sebab keefisienan iaitu buruh, tanah dan infrastruktur murah dan mempunyai kurang sekat. Kepentingan negara tersebut tidak diambil kira oleh pelabur. Mereka lebih mementingkan keuntungan sahaja.

**(c) Keadaan tidak menentu terhadap pasaran kewangan**

Atas nama globalisasi, kebebasan pengaliran modal membolehkan pergerakan modal luar bergerak dengan mudah dari satu negara ke negara yang lain. Ia bukan sahaja memberi kesan ketidaktentuan terhadap pasaran tetapi juga memberi kesan terhadap ketidakstabilan sosial dan ekonomi sesebuah negara. Apabila berlakunya krisis kewangan, kesannya ialah tenaga pekerja terpaksa dikurangkan akibat daripada pengecilan urusniaga atau penutupan sebahagian daripada operasi dan urusniaga. Krisis kewangan pada tahun 1997 adalah satu contoh yang jelas dan negara yang terlibat dalam krisis tersebut belum lagi pulih sepenuhnya.

**(d) Kesan sosial yang tidak diingini**

Satu kaji selidik yang dilakukan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terhadap pengalaman negara maju menunjukkan bahawa liberisasi telah mengundangi ketidakseimbangan pendapatan yang lebih ketara. Krisis kewangan dan penempatan semula syarikat multinasional telah mengurangkan pendapatan negara dan sudah tentu mengurangkan perbelanjaan perkhidmatan awam. Pekerjaan dan pendapatan yang tidak menentu telah mula menjadi isu. Ketika kejatuhan

ekonomi dan krisis kewangan, beribu-ribu pekerja telah menjadi mangsa. Krisis ini juga telah menimbulkan pelbagai masalah sosial. Kaji selidik yang dijalankan ke atas masalah gejala sosial ini menunjukkan bahawa kes rogol dan diskriminasi kanak-kanak dan wanita telah meningkat seperti yang dilaporkan kepada polis pada tahun 1997-1999.

**(e) Peningkatan teknologi yang tidak menguntungkan semua**

Peningkatan teknologi membolehkan globalisasi. Malangnya tidak semua bernasib baik untuk berkongsi kebaikan teknologi moden. Penggunaan Internet kadangkala tidak mengizinkan penduduk yang kurang berkemampuan. Penggunaan bahasa Inggeris dalam pengendalian laman web menghadkan ramai orang daripada menggunakannya secara berkesan. Begitu juga, peningkatan dalam perubahan dan beberapa teknologi lain hanya untuk golongan berada. Pengawasan harta intelek melalui paten kebanyakannya didaftarkan dan dikawal rapi oleh negara maju.

**(f) Kesan alam sekitar yang tidak diinginkan**

Negara maju akan mengambil kesempatan dan alasan untuk memindahkan industri yang tidak 'sustainable' lagi yang mempunyai implikasi alam sekitar serius dari negara mereka. Dalam masa yang sama pula negara maju akan menggunakan pembukaan hutan bagi pembangunan di negara membangun sebagai alasan untuk mengenakan sekatan terhadap barangan import pertanian dan barangan yang lain. Negara maju menggunakan minyak hampir 60% daripada penggunaan seluruh dunia dan mereka sudah tentu menyumbangkan pengeluaran toksik yang terbesar tetapi masih memohon supaya negara membangun mengambil langkah yang tegas untuk menghindar pencemaran alam.

**(g) Kesan budaya yang tidak diinginkan**

Globalisasi telah menyebabkan pengaliran infomasi barangan, gambaran dan idea melalui elektronik dan media lain dari negara maju ke negara membangun dengan yang demikian telah melemahkan asas budaya sesebuah negara. Ideologi yang terbesar dengan budaya sesebuah negara boleh melemahkan rangka sosial dan perpaduan nasional negara tersebut.

**(h) Import makanan berbahaya**

Makanan disesuaikan secara genetik dieksport sewenang-wenangnya ke negara sedang membangun yang tidak memiliki teknologi yang dapat mengesannya. Kerisauan beberapa golongan masyarakat bahawa makanan genetik tersebut boleh mempercepatkan pertumbuhan penyakit kanser, penyakit jantung dan sebagainya. Penglabelan makanan genetik bukanlah mudah untuk dikuatkuasakan. Walaupun demikian, negara maju mengambil perkara ini sebagai satu diskriminasi pula.

**(i) Pelarian, pendatang, penghijrahan dan orang buangan tidak diperlukan**

Globalisasi adalah selektif untuk negara maju. Sambil memperjuangkan pengaliran barangan dagangan dan perkhidmatan tanpa sebarang sekatan, mereka tidak pula melakukan perkara yang sama untuk buruh. Ada beberapa sekatan untuk masuk ke negara maju secara sah atau tidak sah.

**(j) Kekurangan kawalan global**

Syarikat multinasional beroperasi secara berleluasa tanpa sekatan nasional, apatah lagi mereka mempunyai jalan masuk mudah ke negara seperti India, China dan Bangladesh. Pada waktu yang sama, ekonomi penjenayah tak formal juga berkembang dengan pesat seperti perniagaan dadah secara haram, pasaran gelap dan pedagang haram melibatkan kanak-kanak dan wanita di bawah era globalisasi. Malangnya negara maju yang mempromosikan globalisasi inilah juga yang diyakinkan untuk menjaga kepentingan kawalan global. Negara-negara membangun tidak mempunyai sebarang impak terhadap penggubalan polisi antarabangsa.

**DEKLARASI**

Globalisasi akan terus kekal, dan sesiapa pun tidak dapat mengetahui bagaimana dan bilakah ia akan berakhir. Cabaran Malaysia adalah dalam meningkatkan kekuatan, menghapuskan kelemahan, mengeksploit segala peluang dan menakar anjakan kepada peluang. Oleh yang demikian, kita harus memberi perhatian kepada perkara berikut:-

- Globalisasi adalah sinonim dengan perdagangan bebas dan adalah diharapkan negara-negara bersaing atas dasar harga dan kualiti. Subsidi dan polisi keutamaan termasuk sistem dan prosedur yang menyumbang kepada kelewatan adalah tambahan kos kepada sesebuah negara. Harga kos tinggi setiap unit akan mengurangkan keupayaan peluang menjual barangan dan perkhidmatan. Daya pengeluaran dan produktiviti buruh juga harus meningkat untuk meningkatkan daya saing.
- Negara membangun tidak lagi boleh bergantung kepada negara maju untuk pelaburan semata-mata. Seharusnya Malaysia bersedia untuk menerima hakikat bahawa syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia akan memindahkan operasinya ke negara lain. Pelabur akan mencari negara yang mempunyai buruh yang murah dan produktif, negara yang mengenakan kurang kawalan dan negara yang menawarkan insentif-insentif yang lebih. Mereka akan mencuba untuk menempatkan industri tambahan nilai tinggi di negara maju. Oleh kerana itu, kita harus menggalakkan lebih simpanan dan pelaburan di kalangan penduduk. Amat penting juga untuk menggalakkan pelaburan di negara kita dan mengeksport segala barangan tersebut kepada luar negara memandangkan penggunaan dalam Malaysia agak terhad.
- Pelaburan daripada masyarakat setempat akan mengurangkan keadaan tidak menentu dalam pasaran. Walau bagaimanapun para pelabur digalakkan melabur di

luar negara untuk bersaing dan maju sepertimana pelabur dari luar negara melabur di negara kita. Sekiranya pelaburan dalam sendiri kita meningkat tinggi, apa jua sebab untuk pelaburan asing keluar dari negara kita, tidak akan mempunyai sebarang kesan buruk terhadap ekonomi kita. Kita mempunyai lebih kawalan terhadap 'sovereignty' dan ekonomi di Malaysia.

- Peningkatan pertumbuhan ekonomi adalah prasyarat untuk menghalang setengah masalah sosial. Pekerjaan yang mencukupi, gaji yang tinggi dan pembayaran cukai yang teratur akan membaiki prasarana kehidupan penduduk, begitu juga dengan pendidikan yang baik, perumahan yang baik dan mencukupi, fasiliti rekreasi yang cukup dan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang baik serta mencukupi. Walau bagaimanapun Malaysia juga tidak boleh mengelak daripada berhadapan dengan beberapa masalah sosial apabila pertumbuhan ekonomi negara meningkat. Gaji yang lumayan dan sara hidup yang tinggi akan menggalakkan kehidupan mewah dan tabiat kurang sihat akan menular dalam kehidupan rakyat di mana ia akan mengundang berbagai penyakit kronik dan obesiti.
- Rakyat Malaysia harus sentiasa peka dan sentiasa berdamping dengan pembangunan, teknologi komunikasi dan maklumat. Rakyat Malaysia mesti terus belajar dan peka kepada teknologi-teknologi baru, apatah lagi dalam situasi pertukaran persekitaran global yang pesat. Segala keputusan harus dibuat dengan cepat dan tepat. Rakyat Malaysia harus kreatif dan inovatif dan segala ciptaan baru patut dipatenkan sebelum orang lain mempatenkannya. Kita harus proaktif terhadap pasaran.
- Rakyat Malaysia harus mengimbangi hal berkaitan alam sekitar dengan pertumbuhan ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, ini bukan sesuatu yang mudah.
- Kehadiran budaya global tidak dapat ditentang dengan mudah meskipun ia dipercayai satu ancaman yang besar kepada masyarakat. Ini kerana budaya yang dinamik boleh melahirkan pelbagai bentuk budaya alternatif yang sukar dijangka dari segi faedahnya kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, kandungan budaya lama yang tidak sesuai dengan peredaran zaman dan bersifat negatif terhadap pembangunan sosial juga tidak perlu dipertahankan. Meskipun setiap generasi berhak untuk mewarisi budaya lama tersebut mereka seharusnya tidak perlu bernostalgia untuk mengekalkannya tanpa melihat realiti kehidupan masa kini.
- Rakyat Malaysia harus berwaspada dalam era globalisasi dan mengambil tindakan sewajarnya jika kita mengetahui bahawa rakyat Malaysia menghadapi ancaman luar seperti makanan berunsur genetik yang mungkin akan menambah kepada penyakit kronik seperti kanser, sakit jantung dan sebagainya. Masyarakat Malaysia harus mempunyai kapakaran teknologi untuk berhadapan dengan segala kemungkinan yang bakal melanda.
- Masyarakat Malaysia akan lihat globalisasi secara selektif. Tiada negara akan menerima pendatang haram, pelarian, orang yang berumur dan kanak-kanak akibat

peperangan dan sebagainya masuk ke negara mereka dengan sesuka hati.

- Setiap kerajaan akan lebih bertumpu kepada penjagaan kepentingan masing-masing. Syarikat multinasional pula hanya memikirkan keuntungan mereka. Kerajaan harus pandai untuk mengimbangi diantara penguasaan kawalan dan ketegasan kawalan.

## REAKSI RAKYAT MALAYSIA

Malaysia tidak boleh menolak globalisasi. Sebaliknya Malaysia harus berikhtiar untuk mengambil kesempatan daripada globalisasi. Kerajaan, swasta dan masyarakat umum termasuk kumpulan pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) harus memainkan peranan bagi mencapai globalisasi. Bagaimanakah kita harus merangsang masyarakat untuk menyertai cabaran-cabaran globalisasi? Berikut adalah tindakan-tindakan yang boleh diambil bagi merangsang penyertaan masyarakat Malaysia:-

## KESEDARAN

Sungguhpun banyak telah diperkatakan dan dibincang tentang globalisasi dan impaknya terhadap masyarakat dan negara, perbincangan ini telah memberi fokus kepada kerajaan pusat, kerajaan negeri dan pentadbiran kerajaan. Perbincangan mengenai globalisasi belum lagi meresap ke peringkat masyarakat. Kebanyakan individu yang tidak menguasai bahasa Inggeris terutamanya rakyat yang tinggal di luar bandar tidak sedar akan globalisasi, apatah lagi kesannya. Terdapat juga sebahagian pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) yang masih tidak sedar akan globalisasi dan impaknya terhadap negara dan masyarakat. Oleh itu adalah tanggungjawab Malaysia untuk menerangkan kepada rakyat mengenai potensi globalisasi serta impaknya kepada negara, cabaran dan peranan yang harus dimainkan oleh masyarakat dan bagaimanakah cabaran ini dapat dilihat dalam jangka masa pendek dan panjang. Globalisasi boleh memberi kesan sama ada kepada individu ataupun kumpulan dengan cara yang berlainan. Mereka harus peka terhadap globalisasi dan impaknya supaya dapat menghadapi dengan cara tersendiri cabaran tersebut.

## PERLUKAN ANJAKAN PARADIGMA

Persaingan adalah kunci utama. Perdagangan bebas adalah cara yang terpilih kerana ia akan membawa kepada kecekapan yang akan menguntungkan masyarakat. Mekanisma bantuan seperti subsidi, 'preferential treatment', perlindungan tarif dan apa jua bentuk bantuan lain yang menghalang perdagangan harus diketepikan di bawah globalisasi. Semua harus bersaing dengan yang terbaik dalam perdagangan dari sudut produktiviti dan kualiti. Hanya yang terbaik akan kekal. Masyarakat mesti bersedia untuk beroperasi dibawah paradigma baru untuk pertandingan terbuka, bukan hanya di masyarakat setempat tetapi juga di arena antarabangsa. Kerajaan tidak boleh digunakan sebagai wadiah untuk memberi pertolongan dan perlindungan atau sebagai penyelamat.

Minda dan cara pemikiran rakyat Malaysia harus berubah.

Malaysia memerlukan masyarakatnya berfikir secara 'holistic'. Malaysia harus menggunakan sistem yang sedia wujud dan yang boleh diguna pakai bagi menyahut cabaran globalisasi. Alam sekitar telah semakin kompleks berbanding dahulu. Pengetahuan dalam pelbagai disiplin dan pendekatan secara berbilang disiplin adalah penting untuk menghadapi cabaran globalisasi.

Kegunaan kreativiti dan inovasi adalah antara pendekatan berbilang disiplin dalam menghadapi cabaran globalisasi. Sungguhpun dalam globalisasi beberapa perubahan dan cara perdagangan mungkin dilihat sebagai kecil, namun kebolehan untuk menangani perkara tersebut adalah kritikal. Dalam suasana global, perancangan baik dan pengurusan masa secara efektif adalah penting dalam menghadapi cabaran-cabaran. Individu dan masyarakat harus faham perbezaan antara data, maklumat dan pengetahuan. Dalam suasana global, kita harus pandai menukar data kepada maklumat dan menggunakan maklumat itu untuk membuat keputusan. Oleh yang demikian, barulah maklumat itu menjadi pengetahuan.

#### PEMBANGUNAN KEMAHIRAN


Untuk menjadi kompetitif, kemahiran asas dan lanjutan diperlukan. Pembelajaran secara berterusan adalah keperluan mutlak dalam era globalisasi. Perolehan kemahiran berbilang kepakaran adalah prasyarat untuk kreatif dan terus kekal bersaing. Kolej komuniti, institut swasta dan kerajaan harus mengambil peluang untuk menjayakan pendidikan kemahiran teknikal dan akademik. Institusi ini haruslah menyediakan pelajaran dalam kursus yang diperlukan mengikut pasaran dan permintaan.

#### CIPTA RANGKAIAN

Adalah wajar dan penting sekiranya semua masyarakat di seluruh negara beraksis ke IT dan kemudahan-kemudahan berkaitan dengannya seperti e-mel dan Internet dan boleh menyertai dalam forum dan bilik perkomputeran. Ketika ini banyak kumpulan terlibat dalam menyalurkan kemudahan-kemudahan ini. Antaranya termasuk MIMOS Berhad, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Unit Rancangan Ekonomi, Kementerian Keluarga Dan Wanita dan lain-lain kementerian dan tidak ketinggalan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Perbagai program telah dilaksanakan untuk menambahkan ilmu komputer dan rangkaian di kalangan masyarakat, khususnya masyarakat luar bandar dan masyarakat setinggan. Penggunaan Internet dan e-mel juga telah ditekankan.

Kerajaan juga telah mengenalpasti enam kumpulan sasaran untuk menjayakan program celik komputer (Bridging the Digital Divide) supaya masyarakat tidak ketinggalan. Keenam-enam kumpulan sasaran ini adalah:-

1. masyarakat luar bandar, masyarakat dan penduduk pribumi Sabah dan Sarawak,
2. bandar miskin,
3. wanita,
4. bella,



5. kumpulan kurang upaya, dan
6. wargatua.

Di bawah program ini satu rangka kerja harus disiapkan untuk merancang dan kemudian mengambil tindakan untuk perlaksanaan. Untuk merealisasikan cabaran-cabaran globalisasi, penekanan program ini haruslah menitikberatkan kehendak dan kemahuan kumpulan sasaran dalam suasana persekitaran ekonomi global. Penekanan dan kepercayaan haruslah lebih kepada sistem nilai ekonomi dan 'sustainability'.

#### INFRASTRUKTUR

Sungguhpun teknologi maklumat dan komunikasi adalah pemboleh sahaja, ia masih lagi penting untuk merangsang masyarakat untuk menghadapi cabaran globalisasi. Infrastruktur ini harus juga disediakan kepada kumpulan yang tersisih, khususnya masyarakat yang berada di luar bandar, ladang-ladang dan kawasan perumahan setinggan. Kerajaan, pihak swasta dan NGO mempunyai banyak program untuk tujuan ini dan mereka boleh menyediakan 'hardware' dan 'software'.

Infosruktur juga adalah komponen kritikal. Ia adalah maklumat dalam infrastruktur yang penting. Simpanan maklumat terkini adalah penting.

#### PERANAN KERAJAAN

Kerajaan harus memainkan peranan penting dalam menyediakan masyarakat memahami dan berdepan dengan cabaran globalisasi. Kerajaan kini sedang giat dalam melaksanakan program seperti "computer ownership", permohonan skim geran dan program celik komputer. Bagaimanapun penekanan adalah lebih memihak kepada kegunaan ICT untuk menghadapi keperluan kini. Kerajaan juga perlu meninjau jauh pemikiran kini untuk memeriksa bagaimana program-program ini boleh digunakan untuk membantu masyarakat menghadapi cabaran-cabaran globalisasi. Dalam situasi ini kerajaan dikehendaki terus memainkan peranan seperti di bawah, iaitu mengamalkan prinsip 5P:-

**Pemula:** Kerajaan harus menyediakan segala program dan polisi sebagai pengukur untuk menambahkan kesedaran masyarakat tentang globalisasi, kesannya dan cara untuk mengendalikannya. Pengalaman dasar meritokrasi, penekanan terhadap penyelidikan dalam sains dan teknologi, peningkatan peluang-peluang pendidikan dan latihan dan seterusnya meneruskan pelaburan dalam ICT adalah antara contoh-contoh program dan polisi, yang seterusnya dapat membuka ruang supaya masyarakat boleh beroperasi dalam suasana global. Agensi-agensi kerajaan juga harus menjadi contoh dan sanggup berubah untuk berhadapan dengan cabaran globalisasi.

**Pemudah:** Kerajaan mesti terus membantu pertumbuhan-pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat-syarikat swasta untuk merancang dan melaksanakan program-program supaya dapat menghadapi cabaran globalisasi. Pihak swasta harus peka terhadap keperluan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan menghadapi pertandingan kehendak pasaran. Kerajaan boleh memudahkan proses ini dengan memudahkan prosidur untuk kelulusan, memberi 'tax holidays', geran dan menentukan adanya tenaga pekerja yang mencukupi dan baik. Fokus harus juga ditumpukan kepada menjaga tahap yang tinggi.

**Perunding:** Kerajaan mesti melibatkan diri dalam perbincangan rundingan perdagangan 'bilateral' dan 'multilateral' dengan negara lain untuk memperolehi urusiannya yang terbaik untuk negara kita dan juga untuk memperolehi penangan terhadap tindakan dari negara-negara berkenaan sehingga negara sudah bersedia untuk menghadapinya.

**Pelaksana:** Kerajaan melaksanakan Dana Pelajaran Negara dan Dana Latihan Sumber Manusia bagi membantu membiayai lebih ramai pelajar ke universiti, kolej dan pusat-pusat kemahiran.

**Penyatu:** Kerajaan perlu memastikan kesemua polisi, program dan projek terancang dapat disatukan serta diseragamkan untuk mencapai sasaran, iaitu untuk menghadapi cabaran globalisasi. Pada masa yang sama, kerajaan harus bekerjasama dengan pihak swasta, pihak NGO dan masyarakat untuk menghadapi cabaran-cabaran globalisasi.

#### PENGUNAAN INSTITUSI YANG SEDIA ADA

Kita sebenarnya mempunyai banyak institusi swasta, awam dan juga pertumbuhan-pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh negara yang boleh digunakan untuk merangsang penyertaan masyarakat dalam menghadapi cabaran globalisasi. Persoalannya, adakah mereka atau pertumbuhan-pertumbuhan ini memahami erti kata globalisasi yang sebenar, tamarannya dan peranan mereka dalam membantu masyarakat memahami dan menghadapi cabaran globalisasi. Dalam sektor sosial sahaja, kita mempunyai lebih daripada 3000 pertumbuhan bukan kerajaan (NGO), walaupun kebanyakannya kurang aktif. Jumlah yang besar ini sudah tentu boleh memainkan peranan yang amat penting

dalam menyampaikan maklumat, huraian mengenai globalisasi, tamarannya dan bagaimana masyarakat boleh bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran globalisasi tersebut. Pihak kerajaan pula boleh menghulurkan bantuan daripada segi kewangan kepada pertumbuhan-pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) yang terpilih untuk menjalankan program-program globalisasi.

#### KESIMPULAN

Sungguhpun Malaysia mempunyai kedua-dua penyokong dan penentang globalisasi, globalisasi tidak dapat dielakkan. Cabarannya ialah untuk menjadikannya sebagai bermanfaat kepada negara dan masyarakat. Malaysia harus bersedia untuk beroperasi dalam suasana global di mana persaingan adalah pengukur jika Malaysia tidak mahu disisihkan. Kini kerajaan, sektor swasta dan masyarakat umum harus bekerjasama untuk berhadapan dengan cabaran globalisasi. Walau bagaimanapun, masyarakat bawah tidak langsung mengetahui tentang globalisasi dan tamarannya.

Perancangan yang lebih teliti adalah penting bagi merangsang penyertaan masyarakat supaya dapat berhadapan dengan cabaran globalisasi ini.

**Pertama,** Malaysia mesti mempunyai program-program spesifik untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap globalisasi dan tamarannya.

**Kedua,** memerlukan anjakan paradigma daripada bergantung kepada kerajaan melalui subsidi, 'preferential treatment' dan halangan tarif kepada persaingan terbuka berasaskan harga dan kualiti.

**Ketiga,** masyarakat mesti sentiasa melibatkan diri dalam pelajaran sepanjang hayat untuk terus menambah kemahiran dan pengetahuan bagi membolehkan persaingan dalam suasana global berterusan.

**Keempat,** agensi-agensi kerajaan dan NGO harus terlibat dalam program-program ICT, program celik komputer dan skim-skim pemohonan geran.

**Kelima,** peranan ICT berkhidmat sebagai pemboleh sahaja. Selain mempertimbangkan keperluan infrastruktur yang cukup dan moden, masyarakat harus juga memberi penekanan terhadap infostruktur, iaitu kandungan sistem dan juga latihan untuk pengguna-pengguna supaya sistem itu dapat digunakan sebaik mungkin.

**Keenam,** kerajaan harus melakukan fungsinya sebagai pemula, pemudah, pelaksana, perunding dan penyatu (5P) untuk merangsang masyarakat.

**Ketujuh,** untuk melaksanakan strategi-strategi tersebut, Malaysia mesti menggunakan institusi-institusi yang sedia ada untuk merangsang penyertaan masyarakat untuk menghadapi cabaran-cabaran globalisasi. ■